

## MENDEPANI CABARAN LITERASI PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID ORANG ASLI JAKUN LENGA, JOHOR: SATU TINJAUAN AWAL

### [CHALLENGES FACING LITERACY LEARNING OF MALAY LANGUAGE AMONG STUDENTS OF ORANG ASLI JAKUN, LENGA JOHOR: A PRELIMINARY SURVEY]

NURUL JAMILAH ROSLY<sup>1\*</sup>  
NOR ZAINIYAH ZARITA MOKHTAR<sup>2</sup>

#### Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenalpasti teknik pengajaran literasi bahasa Melayu disamping mengenalpasti masalah literasi yang dialami oleh murid Orang Asli di Lenga, Johor. Kajian ini adalah berbentuk kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif dengan teknik pensampelan bertujuan. Seramai lima orang guru bahasa Melayu dipilih sebagai peserta kajian serta menggunakan sampel kajian daripada 23 orang murid Orang Asli keturunan Jakun dalam Tahun 1 hingga Tahun 6. Lokasi kajian memfokuskan kajian di sebuah sekolah rendah kebangsaan di daerah Lenga. Kajian ini juga menggunakan data temu bual yang disokong oleh data pemerhatian dan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu berjalan dengan lancar dan sistematik sesuai dengan tahap keperluan pelajar. Hasil pemerhatian juga mendapati murid Orang Asli dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan rancangan aktiviti yang ditentukan oleh guru. Namun didapati terdapat masalah utama yang dihadapi dalam pembelajaran literasi bahasa Melayu ini iaitu isu motivasi pelajar dan sikap ibu dan bapa masyarakat orang Asli tersebut dalam memberi motivasi kepada anak mereka untuk terus belajar. Selain itu, faktor kesedaran masyarakat orang Asli tersebut yang tidak meletakkan pendidikan sebagai satu jaminan pada masa hadapan untuk terus berjaya. Faktor ini juga mejejaskan minat kepada anak-anak orang Asli ini untuk terus mempelajari bahasa Melayu kerana mereka menganggap tiada kepentingan untuk bertutur dalam bahasa Melayu berbanding bahasa ibunda mereka. Oleh itu, hasil kajian ini diharapkan dapat memberi input kepada pembinaan kurikulum, pentadbiran sekolah dan guru-guru yang mengajar murid Orang Asli.

**Kata Kunci:** bahasa Melayu, literasi, pendidikan orang Asli dan pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu.

#### Abstract

<sup>1,2</sup> Jabatan Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa, IIUM Pagoh, Johor.

**Corresponding Author:**  
Email: [nuruljamilah@iium.edu.my](mailto:nuruljamilah@iium.edu.my)

This study aims to identify the Malay language literacy teaching techniques as well as identify literacy problems experienced by Aboriginal students in Lenga, Johor. This study is a case study that uses a qualitative approach with purposive sampling techniques. A total of five teachers selected Malay language as well as the study participants used a sample survey of 23 students Jakun Aboriginal descent in Year 1 to Year 6. Location study focused study in a primary school in the area of oil. The study also used interview data supported by observational data and document analysis. The study found that teaching and learning techniques Malay Continued smoothly and systematically in accordance with the needs of students. The results of the observation also found that Orang Asli students were able to follow the teaching and learning in accordance with the activity plan determined by the teacher. However, there appear the main problems faced in literacy learning the Malay language is the issue of motivation and attitudes of mothers and fathers in the indigenous community to motivate their children to continue learning. In addition, the awareness factor of the Orang Asli community that does not place education as a guarantee in the future to continue to succeed. These factors also affect the interests of indigenous children to continue to learn the Malay language because they assume no interest to speak in Malay language inbunda against them. Therefore, the results of this study are expected to provide input to curriculum development, school administration and teachers who teach Orang Asli students.

**Keywords:** Malay, literacy, education and indigenous teaching and learning of the Malay language.

**Cite This Article:**

Nurul Jamilah Rosly & Nor Zainiyah Zarita Mokhtar. 2021. Mendepani Cabaran Literasi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Orang Asli Jakun Lenga, Johor: Satu Tinjauan Awal. *Asian Journal of Civilization Studies*. (AJOCS), 3(3): 83-102.

## PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan (2014) mendefinisikan literasi adalah kebolehan untuk membaca (celik huruf), menulis dan mengira. Menurut Clay (1967), pula literasi bermaksud membina kemahiran kanak-kanak membaca dan menulis tanpa titik permulaan terbina secara serentak dan saling bergantung tanpa turutan tertentu. Kebolehan ini perlu ada kepada semua murid pelajar sekolah rendah dalam perkembangan dan pengguna bahasa Melayu pada peringkat awal. Hashim Othman (2005), pula menyifatkan literasi umumnya dirujuk sebagai kebolehan minimum menggunakan kemahiran membaca dan menulis untuk memenuhi tuntutan kehidupan harian dan merupakan keperluan asasi setiap individu. UNESCO (2020) dibawah Agenda Pembangunan Mampan (2030), menekankan keperluan literasi ini penting terutama dalam sistem pendidikan awal kanak-kanak supaya dapat meningkatkan kualiti pendidikan negara bangsa itu sendiri. Usaha ini perlu pada setiap negara bagi merealisasikan kemajuan negara bangsa dalam konteks budaya dalam pendidikan. Oleh itu, peranan kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan pelbagai dasar seperti Program Literasi Bahasa Melayu, di bawah Literacy and Numeracy Screening (LINUS) yang diperkenalkan pada tahun 2010 kepada semua murid tahun 1. Usaha ini adalah

bermatlamat untuk memastikan semua murid dapat menguasai literasi bahasa Melayu dengan baik kecuali kepada murid-murid yang berkeperluan khas.

Usaha ini juga tidak ketinggalan kepada anak murid Orang Asli di Malaysia, dimana Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli (2012) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) diwujudkan dengan tujuan untuk mengarusperdakan masyarakat Orang Asli supaya seiring dengan kemajuan masyarakat Malaysia yang lain. Di Malaysia, masyarakat Orang Asli mempunyai tiga kumpulan yang terbesar iaitu Orang Asli Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Berdasarkan keterangan sejarah, Orang Asli diiktiraf sebagai komuniti terawal berada di negara ini. Menurut Mohd Nuizzuddin (2018), walaupun mereka menjadi komuniti yang terawal berada di negara ini, tetapi tahap pencapaian mereka dalam aspek pendidikan dan pekerjaan masih berada dalam tahap yang rendah berbanding kaum-kaum lain yang terdapat di Malaysia. Hal ini kerana penguasaan pendidikan dan peluang pendidikan dalam kalangan pelajar orang Asli adalah faktor penting untuk meningkatkan keupayaan diri dan taraf hidup yang baik. Nicholas (2007) menjelaskan jika 100 murid Orang Asli yang memasuki tahun satu, hanya enam pelajar sahaja yang akan menamatkan pengajian sehingga tingkatan lima. Sebanyak 94% daripada mereka akan tidak dapat dikesan sama ada menamatkan pengajian atau tidak. Beliau menambah perbezaan pedagogi dan budaya sebagai antara penyumbang kepada wujudnya permasalahan tersebut. (dlm Abdull Sukor: 2011). Abdul Sukor (2011), menyifatkan keadaan ini berlaku disebabkan dengan perbezaan pedagogi dan budaya sebagai antara penyumbang kepada wujudnya masalah penguasaan literasi dalam kalangan murid Orang Asli.

Oleh itu, melalui pendidikan literasi bahasa Melayu sebagai mata pelajaran utama di sekolah seluruh Malaysia bersesuaian dengan kedudukannya sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara (Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan), menjadikan teras utama mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa yang penting bagi masyarakat yang berbilang kaum dan sangat memerlukan satu bahasa panduan. Selain itu, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di Malaysia amatlah penting sebagai pendokong kepada bahasa ilmu pengetahuan di semua seluruh Malaysia. Layang dan Jamaludin (2018), penumpuan literasi ini perlu dikaji pada peringkat yang menyeluruh termasuk menyifatkan masyarakat peribumi perlu dilibatkan bersama dalam membangunkan agenda negara meskipun sering kali kedengaran isu terhadap mereka sebagai masyarakat yang kurang maju dan ketinggalan yang pada hakikatnya mereka juga mempunyai hak dan peranan dalam usaha membangunkan negara. Keadaan yang berterusan ini pasti memberi impak yang besar terumatanya guru bahasa Melayu sebagai barisan hadapan yang merangka, menyusun dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran bagi mencapai kemahiran literasi yang baik. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan membincangkan amalan pengajaran literasi yang diamalkan oleh guru serta cabaran yang dihadapi oleh murid orang Asli Lenga ini dalam mendepani literasi pembelajaran bahasa Melayu.

## **SOROTAN LLITERATUR**

Di Malaysia, perbincangan mengenai literasi masyarakat orang Asli telah banyak dibincangkan. Antaranya kajian oleh Abdull Sukor Shaari et al (2011), yang membincangkan masalah-masalah utama yang dihadapi dalam pembelajaran literasi bahasa Melayu dan punca-punca

mengapa masalah itu berlaku dalam kalangan murid Orang Asli. Kaedah kualitatif kajian kes digunakan oleh pengkaji dengan menggunakan kaedah temu bual sebagai metod kajian. Peringkat kajian ini beliau menggunakan peringkat transkripsi rakaman temu bual dan pencarian tema dan pengkodan. Hasil dapatan menunjukkan isu budaya mempunyai perkaitan dengan masalah utama dalam literasi bahasa Melayu hasil temu bual yang dilakukan. Kajian ini dapat melihat sejauh mana penguasaan anak Orang Asli dalam pendidikan terutama dalam kemahiran menulis BM. Pemerolehan pelbagai maklumat mengenai budaya dan cara berfikir murid-murid Orang Asli. Kajian ini telah menghasilkan sebuah modul pembelajaran karangan khusus bagi murid-murid orang Asli. Pembinaan modul yang dibina berdasarkan pandangan Steinberg (1982) bahawa kanak-kanak dapat membaca dengan lebih cepat jika pengajaran dimulakan dengan unsur-unsur yang bermakna.

Selain itu kajian Nazariyah Sani (2014), bertujuan mengenal pasti dan memahami apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru-guru literasi khususnya bagi mengajar murid-murid orang Asli. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan tiga pendekatan iaitu Kaedah temubual mendalam, Analisis dokumen dan Pemerhatian. Kajian ini menggunakan teori Teori Tingkah Laku, Teori Kognitif, Teori Afektif dan Teori Humanistik. Hasil kajian menunjukkan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh guru literasi sepanjang pelaksanaan Program LINUS dengan murid-murid orang asli. Kajian ini juga mengemukakan cadangan kepada pihak Kementerian Pendidikan untuk menyediakan modul yang dapat membantu guru, ibu bapa orang Asli dan menyediakan peruntukan untuk Program LINUS. Perhatian perlu diberikan oleh pihak berkaitan agar jurang literasi dalam kalangan murid-murid orang Asli dapat diatasi. Raja Mohd Salahuddin bin Raja Mamat dan Mohd Mahzan bin Awang (2016), membincangkan aspek-aspek pendidikan Orang Asli meliputi isu, cabaran dan juga harapan untuk melihat masyarakat Orang Asli maju dalam bidang pendidikan. Kaedah gabungan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Hasil kajian memperlihatkan informasi berguna bagi pembentukan model alternatif dalam pembangunan pendidikan dan kerjaya murid Orang Asli di Malaysia. Kajian ini juga membincangkan isu-isu berkaitan murid Orang Asli seperti isu keciciran dalam pelajaran, isu tahap literasi, isu penguasaan bahasa Melayu, isu persekitaran dan budaya, cabaran menyemai perasaan minat belajar, Cabaran mengubah persepsi terhadap pendidikan serta Cabaran menyesuaikan sukanan pelajaran dengan tahap kebolehan murid orang Asli

Manakala Siti Nor Khalis Harun Narasid dan Mohd. Nazri Abdul Rahman (2017), meninjau kreativiti guru dan isu pendidikan kanak-kanak orang Asli di Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesesuaian kreativiti menerusi lagu rakyat sebagai medium pembelajaran asas literasi bagi kanak-kanak orang Asli. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kaedah temubual digunakan untuk mengenal pasti kesesuaian kreativiti dalam Lagu Rakyat Masyarakat Orang Asli sebagai medium pengajaran dan pembelajaran asas literasi bagi kanak-kanak orang Asli. Data dikutip daripada 8 pakar iaitu guru Prasekolah, guru bahasa Melayu, pakar pendidikan orang Asli, guru pendidikan Muzik. Dapatkan mendapat beberapa lagu rakyat orang Asli sesuai digunakan dengan beberapa adaptasi sebagai medium pembelajaran asas literasi bagi memenuhi keperluan pendidikan kanak-kanak orang Asli. Cadangan pembangunan modul Pembelajaran Asas Literasi berasaskan lagu rakyat orang Asli dibangunkan bagi meningkatkan kemahiran asas literasi kanak-kanak orang Asli. Rosniza, Nor Hazlinda dan Novel Lyndon (2017), Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap buta huruf

mengikut struktur umur masyarakat orang Asli antara umur 15 tahun hingga 65 tahun dengan mengaitkan kadar buta huruf dengan tahap pendidikan serta membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi dan langkah-langkah mengatasinya. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan memfokuskan kepada kaedah kajian lapangan, kaedah kaji selidik, temu bual dan pemerhatian semasa sama ada secara langsung atau tidak secara langsung. Seramai 100 orang responden yang terlibat dalam kajian ini yang dipilih secara rawak. Hasil kajian menunjukkan faktor yang mempengaruhi kadar buta huruf dalam kalangan masyarakat orang Asli seperti Kemiskinan, Kemudahan infrastruktur, Pengangkutan dan perhubungan, Sikap ibu bapa dan Sikap individu itu sendiri. Pelbagai faktor yang telah mempengaruhi literasi masyarakat orang Asli sama ada faktor luaran maupun faktor dalaman. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak-pihak tertentu seperti Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dalam mengatasi masalah buta huruf dalam kalangan masyarakat orang Asli.

Kajian oleh Siti Jamaiyah Noorazwa Ahmad dan Muhib Ramli Jantan (2014) bertujuan untuk melihat keberkesanan pengajaran membaca Bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid orang Asli di sebuah sekolah rendah di Perak dengan menggunakan bahan pembelajaran berbantuan komputer dan nyanyian. Kaedah kajian yang digunakan ialah kuasi-eksperimen. Kajian ini telah menggunakan dua kumpulan murid iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Seramai 20 orang murid dipilih sebagai sampel kajian. Hasil kajian memperlihatkan peningkatan yang ketara dalam kemahiran membaca dalam kalangan kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan. Penggunaan komputer dan nyanyian dapat meningkatkan tahap membaca dalam kalangan murid-murid Asli di sekolah rendah. Kajian Ruslan bin Abdullah (2018), yang mengkaji pencapaian kemahiran literasi bahasa Malaysia mereka dengan menggunakan model Context-Input-Process-Product (CIPP) yang dikemukakan oleh Stufflebeam dan Shinkfield (2007). Pengkaji menggunakan kaedah gabungan iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik diedarkan Kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian kepada 28 buah Sekolah Murid Orang Asli (SMOA). Hasil kajian mendapati bahawa pelaksanaan Program LINUS terhadap murid Orang Asli perlu diberikan nilai tambah dengan mengambil kira keunikan etnik murid Orang Asli yang terdiri daripada pelbagai etnik, perbezaan latar belakang, persekitaran, petempatan, kecerdasan dan tahap kognitif. Pelaksanaan sesuatu program seperti Program LINUS perlu mengambil kira beberapa aspek seperti kesesuaian matlamat dan objektif program LINUS yang sesuai dengan kesediaan pelajar orang Asli.

Secara keseluruhannya, kajian lepas telah menunjukkan terdapat pelbagai kajian yang memfokuskan kepada masalah literasi dan kaedah yang digunakan. Namun masalah literasi ini masih lagi timbul dan berpanjangan hingga hari ini tambahan lagi saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) telah diberhentikan pada tahun 2019. Peluang yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kepada pihak sekolah merupakan cara terbaik supaya pihak sekolah berpeluang untuk mengenalpasti masalah pelajar yang masih lagi mengalami masalah literasi terutamanya sekolah yang melibatkan murid Orang Asli yang dilihat masih lagi mengalami kadar keciciran yang tinggi. Oleh itu, kajian ini akan mengenalpasti apakah cabaran dan halangan yang dihadapi oleh murid Orang Asli khususnya dalam literasi pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

## OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus objektif kajian ini adalah:

1. Mengenalpasti cabaran dan halangan yang dihadapi oleh murid Orang Asli Lenga dalam pengajaran dan pembelajaran literasi bahasa Melayu.

## LATAR BELAKANG KAJIAN


Penyelidikan ini sepenuhnya dijalankan di Sekolah Kebangsaan Kampong Bharu yang merupakan sebuah sekolah kebangsaan yang terletak di Jalam Cempedak, Kampong Baharu Melayu, Kilometer 45. Sekolah ini adalah sebuah sekolah Gred B aliran kebangsaan yang menerima sebanyak 23 orang pelajar Orang Asli dari Darjah 1 hingga Darjah 6 bagi sesi 2021. Lokasi sekolah ini terletak 36 kilometer dari pekan Pagoh, Muar. Kebanyakkannya murid Orang Asli ini terdiri daripada keturunan masyarakat Jakun yang tinggal berhampiran dengan Kampung Sentosa yang terletak bersebelahan dengan sekolah. Seramai 213 jumlah penduduk orang Asli yang tinggal dalam perkampungan ini. Hampir kesemua murid Orang Asli ini mendapat pendidikan awal di sekolah Kampung Bharu sehingga tamat tahun 6 dan akan menyambung ke peringkat sekolah menengah di pekan Pagoh

## METODOLOGI

Bahagian ini membincangkan kaedah kajian yang digunakan. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah pengumpulan data dan temu bual.

## KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Bahagian ini akan menerangkan beberapa prosedur yang dilakukan untuk merancang dan melaksanakan proses pengumpulan data. Data kualitatif kajian ini dikumpul daripada pelbagai sumber. Terdapat empat langkah dalam proses pengumpulan data ini. Pertama, data kajian mengenal pasti guru yang mengajar subjek bahasa Melayu. Hal ini penting untuk mendalami fenomena sebenar yang dilalui guru dalam menghadapi cabaran literasi murid Orang Asli. Kedua adalah proses untuk memohon kebenaran hadir ke lokasi kajian. Ketiga, proses pengumpulan data melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Keempat, data yang diterima akan dilakukan proses pengekodan.



## **Pemerhatian proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas**

Pengkaji juga melakukan pemerhatian secara langsung di dalam kelas yang mempunyai murid Orang Asli. Ini bertujuan untuk meninjau amalan dan pelaksanaan guru bahasa Melayu dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

## **Kaedah temu bual**

Kaedah temu bual yang digunakan merupakan kaedah utama bagi mendapatkan maklumat. Menurut Robson (2011), teknik temu bual merupakan teknik yang baik dan boleh diterima dalam mencari isu yang berkaitan dengan polisi maklumat. Best dan Kahn (2003), temu bual ini merupakan soal selidik atau cara yang digunakan untuk mendapatkan maklumat lisan dari seseorang responden melalui cara percakapan secara berhadapan muka dengan seseorang. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah temu bual berstruktur iaitu dengan membina soalan berdasarkan soalan yang telah dirancang bertepatan dengan objektif kajian. Temu bual ini dilakukan bersama guru bahasa Melayu yang mempunyai pengalaman lebih daripada 10 tahun dalam mengendalikan pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Orang Asli ini. Temu bual yang dilakukan bersama responden ini dirakam menggunakan perakam beserta catatan nota dan berlangsung selama 3 jam.

## **Penganalisan data**

Peringkat seterusnya dalam kajian ini adalah proses penganalisan data. Proses analisis data ini dilakukan selepas data disusun dan disemak bagi membentuk maklumat dalam penyelidikan ini.

## **Analisa Temu bual**

Menurut Burn (1995), analisis kandungan merupakan kaedah analisis yang sering digunakan dalam kajian kualitatif. Analisis kandungan ini digunakan untuk mengenalpasti tema, konsep dan makna. Dalam hal ini, analisis kandungan memerlukan pengekodan yang berkaitan dengan maklumat sesuatu penyelidikan. Pengekodan perlu dilakukan bagi memahami maklumat yang dilakukan dan menjadi panduan untuk memfokuskan penyelidikan. Ismail dan Atan (2011), sesuatu hasil dapatan temu bual perlu dianalisis menggunakan pengekodan terbuka di mana hasil temu bual ini perlu diperiksa, dibandingkan dan dikategorikan mengikut data. Dalam kajian ini, semua maklumat yang diperoleh melalui temu bual, akan diperdengarkan semula melalui pita rakaman dan membandingkannya dengan catatan yang dilakukan. Penganalisisan data temu bual dilakukan secara manual mengikut soalan-soalan yang dikemukakan.

## KERANGKA TEORI

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan teori pembelajaran iaitu teori behavorisme (1958), teori kognitif dan teori humanisme sebagai sandaran utama bagi tujuan memperlihatkan murid Orang Asli dalam keberkesanan pengajaran dan pembelajaran literasi bahasa Melayu di dalam kelas. Dengan mengkaji aspek ini, pengkaji dapat mengetahui masalah dan cabaran yang dihadapi oleh murid Orang Asli serta bagaimana memastikan mereka dapat menguasai literasi bahasa Melayu ini dengan baik.

### TEORI BEHAVIORISME

Berdasarkan teori pembelajaran Behaviorisme (1958) mengatakan ialah sejumlah teori yang berhubungan dalam bidang psikologi, sosiologi dan ilmu-ilmu tingkah laku. Teori ini juga menekankan pembelajaran merupakan satu proses pelaziman, dimana hubungan antara rangsangan luar dengan tindak balas individu dapat dibina untuk menghasilkan perubahan tingkah laku yang tekal. Pembelajaran hanya bermula apabila wujudnya tindak balas terhadap suatu rangsangan yang diberi. Proses pembelajaran akan diteruskan jika terdapat motivasi ekstrinsik yang sesuai (sama ada peneguhan positif atau negatif) sementara pembelajaran dikatakan berakhir apabila perubahan tingkah laku dapat dibentuk dan dikenalkan.

“...the extreme behavioristic position would be that the child comes into the world with a tabula rasa, a clean state bearing no preconcieved notions about the world or about language, and this child is then shaped by its environment slowly conditioned through various schedules of reinforcement”

Brown (1987:16)


Berdasarkan pernyataan oleh Brown (1987), pembelajaran sebagai perubahan tingkah laku yang boleh diperhatikan, dikawal, dan diramal dan mengkaji perhubungan antara rangsangan (stimulus) dan gerak balas (response) apabila pelajar bertindak dalam persekitaran luaran. Selain daripada itu, teori ini juga melihat perhubungan antara tindakan pelajar dengan pengukuhan rangsangan dan mengutamakan pembelajaran kemahiran-kemahiran tertentu khususnya kemahiran fizikal. Hal ini dapat dilihat dalam situasi pembelajaran murid OA di dalam kelas apabila guru bahasa Melayu telah menyediakan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Hal demikian dilakukan bagi meningkatkan rasa motivasi murid OA untuk sentiasa hadir ke sekolah. Oleh itu, situasi ini bersesuaian dengan menganggap pembelajaran ialah perubahan yang berlaku pada tingkah laku manusia yang berdasarkan situasi-situasi tertentu.

### TEORI KOGNITIF

Teori kognitif adalah teori yang melibatkan proses pemikiran, iaitu proses mental dalaman yang membolehkan manusia memperoleh pengetahuan, mengesan, menyimpan, mencapai dan mengingat semula pengetahuan yang tersimpan untuk digunakan semula (Ridzuan Husin: 2013). Menurut Kamarudin (2003) teori pembelajaran kognitif melibatkan proses mental yang mempunyai kesan terhadap tingkah laku manusia. Proses tersebut berlaku dalam otak untuk membolehkan seseorang itu menguasai kemahiran berfikir. Proses tersebut berfokus kepada fenomena seperti kesediaan, persepsi, pengawalan motor, perhatian (attention), ingatan, pembelajaran dan penaakulan. Teori ini pernah dibincangkan oleh Bruner dan Simon (1950), dengan memperkenalkan coding system yang membenarkan membenarkan perpindahan, menggalakkan ingatan dan menambahkan penyelesaian masalah dan memotivasi pelajar. Hal ini bermakna pelajar mempunyai keupayaan untuk menyimpan memori pembelajaran yang diterima sama ada dalam jangka pendek atau pun jangka panjang. Hal yang sama perlu ada pada murid OA, khususnya dalam menghafal Kembali kosa kata yang diajar oleh guru di sekolah. Di sini peranan guru amat penting untuk memberi fokus kepada proses pemikiran pelajar OA supaya pelajar dapat mengalami proses berfikir dengan betul.

## **TEORI HUMANISME**

Teori ini mementingkan kesediaan moral dan potensi pelajar dengan memfokuskan kepada perkara-perkara yang berkaitan secara langsung dengan individu, keunikan diri sendiri bagi seseorang individu dan juga kepentingan kemanusiaan terhadap individu. Prinsip utama teori ini adalah manusia mempunyai keperluan dan keperluan asas yang perlu dipenuhi. Sekiranya keperluan dan keperluan asas dapat dipenuhi sepenuhnya maka secara langsung individu dapat memotivasi individu sendiri ke peringkat yang lebih tinggi iaitu mencapai tahap kesempurnaan diri. Pernyataan ini disokong oleh Maslow (1984) yang menyatakan bahawa jika keperluan psikologi tidak dipenuhi oleh individu maka jiwa seseorang tersebut akan terganggu dan tidak tenteram. Sepanjang proses pembelajaran, Teori Humanistik ini menekan kepada pelajar, berpusat kepada pelajar dan pelajar diibaratkan sebagai klien. Dalam keadaan ini, konsep ini sangat penting kerana ia menceritakan tentang beberapa aspek iaitu dari segi nilai manusia, hak individu, tindakan diri dan harga diri dalam menentukan sesuatu tindakan yang diambil. Oleh itu, setiap guru perlu sedar bahawa setiap murid mempunyai keperluan asas yang perlu dipenuhi terlebih dahulu. Pengkaji juga mendapati setiap guru harus peruntukkan sedikit masa pada awal sesi pengajaran untuk mengena lpasti apakah kekurangan dari segi keperluan asas yang perlu diberi perhatian kepada murid OA ini bagi merangsangkan minat dan naluri ingin tahu dalam kalangan murid-murid OA dalam pembelajaran bahasa Melayu.



Rajah 1 Kerangka kajian

Berdasarkan kerangka di atas, kajian ini bermula dengan kaedah pemerhatian di dalam kelas dengan melakukan pemerhatian di dalam kelas ketika proses pembelajaran dan pengajaran berlangsung. Pada peringkat ini, pengkaji akan mengenal pasti teknik yang digunakan oleh guru bahasa Melayu dalam proses literasi bahasa Melayu murid Orang Asli. Seterusnya, pada peringkat ini juga, pengkaji akan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh murid Orang Asli. Bagi pelajar yang masih lagi lemah dalam membaca, menulis dan bertutur, satu pengasingan akan dilakukan oleh guru bahasa Melayu untuk dimasukkan ke sesi kelas pemulihan. Penglibatan ibu bapa dan rakan sebaya perlu bagi membantu murid Orang Asli yang lain untuk tidak terus ketinggalan dalam mendepani literasi pembelajaran bahasa Melayu. Seterusnya, pengkaji akan menilai pencapaian yang dicapai oleh murid Orang Asli khususnya dalam keboleh membaca, menulis dan bertutur.

## HASIL DAPATAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian juga, mendapati terdapat dua belas faktor utama yang menjadi cabaran bagi murid orang Asli, Lenga Johor dalam mendepani pembelajaran literasi pembelajaran bahasa Melayu. Perbincangan faktor-faktor ini adalah berdasarkan pengamatan dan pengalaman yang dilalui oleh guru-guru dalam mengendalikan proses pembelajaran dan pengajaran bersama anak-anak orang Asli tersebut. Berikut merupakan dua belas faktor utama yang dibincangkan dengan mengaitkan teori behaviorisme, teori kognitif dan teori afektif sebagai sandaran utama dalam perbincangan faktor ini.

## MOTIVASI

Menurut Azizi dan Jaafar Sidek (2006), motivasi merupakan unsur yang membolehkan murid melibatkan pembelajaran secara aktif ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Zaliza Mohammad Nazir & Zaitul Azma (2014), juga mendapati motivasi merupakan elemen yang sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana dapat menentukan hala tuju dan keberkesanannya. Pelajar yang bermotivasi tinggi biasanya mempunyai dorongan yang kuat dan mantap untuk terus berminat dengan apa yang disampaikan hasil dari rangsangan-rangsangan yang kuat iaitu menerusi insentif dan motif. Dalam erti kata lain, jika pelajar tersebut bermotivasi, secara tidak langsung mereka berasa seronok dan kepuasan dalam pembelajaran yang dilalui. Hal ini berbeza dengan murid orang asli di sekolah ini dilihat mempunyai tahap motivasi yang rendah khususnya dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Bagi mereka, memahami bahasa ibunda mereka sudah cukup kerana mereka tidak meletakkan pendidikan bukan perkara utama dalam kehidupan. Hal ini turut dipersetujui oleh Gardner dan Lambert (1972) dan Jamali Ismail (1992) menyatakan dalam pembelajaran bahasa, sikap dan motivasi adalah mempunyai kaitan rapat antara satu dengan lain. Jika pelajar mempunyai sikap yang positif dan tinggi, maka tahap motivasinya akan berjaya menguasai dan begitu juga sebaliknya. Hasil dapatan mendapati kebanyakan murid orang Asli ini masih tidak mempunyai impian untuk menanam cita-cita demi masa hadapan. Jika ditanya cita-cita, pasti kebanyakan pelajar orang Asli ini menanam impian untuk mengikuti pekerjaan warisan keluarga seperti berkebun, mengutip buah durian, menangkap ikan, masuk ke dalam hutan dan membawa lori.

Murid orang asli di sini suka guna bahasa mereka sendiri. mereka sendiri yang faham. Tapi kami pihak sekolah memang melarang mereka cakap bahasa Asli ni...sebab tak nak timbul salah sangka dengan kawan-kawan yang lain.

(DT 5:2.45 minit)

‘...Kalau ditanya nak kerja apa bila dah besar nanti.. Saya nak bawa lori macam ayah, itu sahaja pekerjaan yang dia nampak, ada juga yang berjaya yang jadi cikgu tapi hanya murid tertentu sahaja yang nampak ikon di tempatnya...yang lain tak nampak..yang lain hanya namapk pergi tangkap ikan,yang nampak bawa lori, pergi masuk hutan, tangkap ikan ,....itu sahaja yang mereka nampak dalam kehidupan....’

(DT 3: 5.00 minit)

Berdasarkan rakaman temu bual di atas, menunjukkan mereka tidak mempunyai impian dan tidak termotivasi dalam pembelajaran. Keadaan ini merupakan suatu cabaran awal kepada murid Orang Asli untuk meneruskan pengajian. Hal ini disokong dalam aliran teori humanistik (1970), yang menekan peranan guru memainkan faktor utama untuk mendorong dan memberi motivasi yang bersungguh-sungguh supaya pelajar berusaha bersungguh-sungguh dalam pelajaran. Guru perlu merancang dan menyusun aktiviti pengajaran mengikut kebolehan murid Orang Asli tersebut dapat memperolehi pengetahuan dan mencipta karya estetik yang bersesuaian dengan kehidupan mereka.

## **KEHADIRAN**

Dalam sesebuah institusi persekolahan, disiplin memainkan peranan penting ke arah pembentukan sahsiah para pelajar. Disiplin adalah teras dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah terutama dalam meperlihatkan jumlah kehadiran ke sekolah. Berdasarkan statistik Kementerian Pendidikan (2019), menunjukkan peningkatan 90% jumlah kehadiran murid Orang Asli ke sekolah. Hal ini menunjukkan satu perkembangan yang positif mengelakkan jurang murid orang asli untuk hadir ke sekolah. Hal ini agak berbeza apabila guru sekolah memaklumkan kehadiran murid Orang Asli kajian yang sering tidak hadir ke sekolah disebabkan dengan alasan sukar untuk bangun awal kerana bermain gajet sehingga lewat malam. Selain itu, murid Orang Asli ini sering tidak hadir ke sekolah hampir 3 hari berturut-turut jika mempunyai sambutan perayaan, pesta kugiran dan kenduri.

...masalah gajet sentiasa di hati..tidur lewat main telefon..esok tak boleh bangun awal pagi untuk ke sekolah

(DT 13 :18 minit)

...kalau esok ada perayaan, macam ada rock kugiran esok mesti tak datang..orang Asli ni suka hiburan....cth ada kenduri kahwin esok 2 3 hari tak datang sekolah...kalau

(DT 18: 4.00minit)

...ada 33/123 sahaja yang datang

(DT 33: 5.12minit)

.....kalau mereka datang pun dah bersyukur...

(DT 37: 5.40 minit)

## **PENEMPATAN PELAJAR**

Lokasi penempatan pelajar memainkan peranan penting bagi menimbulkan minat kepada murid Orang Asli dalam tidak jauh sahaja dari sekolah hanya 500 meter sahaja. Walaupun jika dilihat, jarak sekolah hanya bersebelahan dengan sekolah, namun murid Orang Asli ini tidak berminat dan bersungguh-sungguh dalam pembelajaran. Tidak dinafikan faktor penempatan masyarakat orang Asli dari bandar menjadikan mereka terputus dengan kepesatan arus kemodenan. Pelajar

di sini masih tidak pernah menerokai bandar-bandar besar yang berada di sekitar Pagoh dan mereka merasakan kehidupan mereka dalam lingkungan kawasan persekitaran sahaja. Mereka tidak berminat untuk mengejar cita-cita dan berhijrah dari kawasan penempatan asal bagi mencari kehidupan yang lebih baik.

...Pagoh itu tempat yang terlalu istimewa yang mereka pergi..cuba bayangkan.., saya pernah dengar Legoland dan Kuala Lumpur tetapi tak pernah sampai..rata-rata macam tu..mereka tak pernah tengok dunia luar.jadi...hidup hanya kawasan sekitar dan sekolah...itu sahaja....

(DT 2: 2:42minit)

## **PENDIDIKAN IBU BAPA**

Ibu bapa memainkan peranan yang utama dalam menggalakkan pelajar untuk menerima pendidikan kepada anak-anak untuk masa hadapan. Berbeza dengan masyarakat orang Asli Jakun ini, mereka menganggap pendidikan bukan perkara utama yang perlu diberi perhatian. Mereka menganggap melangsungkan kehidupan dengan berbentuk sara hidup cukup untuk menampung kehidupan sehari-hari. Hal ini didapati ibu bapa mereka tidak mempunyai pendidikan yang tinggi, jadi mereka tidak memberikan sokongan kepada anak-anak untuk ke sekolah. Namun, terdapat juga segelintir ibu bapa murid Orang Asli yang mahukan anak mereka untuk belajar tetapi tidak tahu cara untuk mengajar anak mereka. Disebabkan itu pihak sekolah juga tidak ketinggalan memohon bantuan kepada ibu bapa untuk memberi sokongan kepada program literasi yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Sebagai contoh program ‘Didik Ceria’ iaitu program untuk murid Asli yang tidak kenal huruf. Ini bermakna ibu bapa dilantik sebagai cikgu bagi mendorong motivasi untuk mereka mempelajari bahasa Melayu.

Kita minta juga bantuan mak ayah mereka untuk bantu anak-anak mereka belajar di sekolah. Jadi ikon untuk murid Asli.. Mak itu kita panggil Cikgu Mimi dan Cikgu Ain..Mereka rasa suka sangat, bila kita panggil cikgu ni untuk ajar anak-anak mereka.....

(DT 14: 3:09minit)

## **RAKAN SEBAYA**

Vygotsky (1978) juga menyatakan bahawa pengalaman yang paling berkesan oleh pelajar ialah dengan memberikan peluang kepada pelajar untuk berkongsi bersama rakan, guru mahupun persekitarannya untuk menyelesaikan tugas-tugas yang sulit, kompleks dan tidak boleh diselesaikan secara perseorangan (Anderson, Annand & Wark, 2004). Faktor raya sebaya memainkan peranan yang penting kerana apabila rakan mereka tidak hadir ke sekolah mereka tidak mempunyai semangat untuk ke sekolah. Begitu juga dalam pembelajaran, mereka lebih suka jika rakan mereka yang mengajar kembali atau ibu dan bapa mereka yang mengajar berbanding guru yang mengajar di sekolah.

Mereka ni kadang-kadang bila tengok kawan x datang, mereka pun x datang sekolah.....Tapi bila kawan diorang mengajar, diorang lagi suka dari cikgu yang mengajar ni...

(DT 20: 27.00 minit)

## **MINAT**

Menurut Ismail Affero (2016), minat memainkan peranan yang penting terhadap proses pembelajaran dan pencapaian pelajar. Ketidakmampuan dari segi fizikal dan mental yang terbatas secara tidak langsung membantutkan motivasi seorang pelajar. Berdasarkan aliran behaviorisme, sesuatu pembelajaran bermula dengan sesuatu rangsangan. Pembelajaran dikatakan berakhir apabila perubahan tingkah laku dapat dibentuk dan dikenalpasti. Oleh itu, pembelajaran yang terancang dan menarik memberikan minat dan motivasi yang tinggi kepada murid Orang Asli untuk terus belajar. Hasil dapatan menunjukkan hanya 40% daripada keseluruhan pelajar yang berminat untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Pengkaji mendapati minat ini akan timbul jika mendapat sokongan daripada pihak sekolah dan ibu bapa mereka. Sikap murid Orang Asli yang didapati malu jika bercakap dengan rakan-rakan yang bukan dalam kalangan mereka. Mereka menjadi berat mulut jika hendak bertutur dalam bahasa Melayu.

....bila kat rumah mereka bercakap dalam bahasa Orang Asli mereka lebih rancak berbanding dalam kelas..memang tak faham bahasa mereka..Kita memang tak benarkan untuk bercakap bahasa Asli di sekolah kerana tak nak ada prejudis....

(DT 38: 4.05minit)

## **SIKAP**

Menurut Suresh Kumar (2011), menyatakan sikap dan tingkah laku seseorang kanak-kanak dalam pembelajaran di sekolah mempunyai pergantungan yang tinggi pada sokongan daripada persekitaran keluarganya. Mohamad Johdi dan Abd Razak (2009) mendapati kebanyakan anak-anak Orang Asli ini mempunyai sikap kendiri yang rendah, pemalu, mudah bosan/jemu, hiperaktif dan mudah sensitif menjadikan kekangan utama untuk mereka menunjukkan sikap yang positif dalam menerima pelajaran. Hal ini penting bagi ibu bapa murid Orang Asli untuk membentuk aspirasi dan ekspektasi yang tinggi kepada anak-anak mereka untuk hadir ke sekolah. Berbeza bagi murid orang Asli di sini, didapati hanya 70% sahaja yang betul-betul menunjukkan sikap yang baik terutama dari segi kehadiran. Kehadiran di bawah 80% menunjukkan sikap murid orang Asli ini masih belum berminat untuk mendapat pendidikan. Kebanyakan mereka masih tidak melihat kepentingan pendidikan sebagai perkara utama untuk menjamin masa hadapan.

Kedatangan memang masalah..tak mencapai 100% kehadiran.ni tambah kita hadapi Covid ni...Kalau tak datang sekolah kami memang telefon mak ayah diorang...

(DT 16: 3: 40minit)

## **PERSEKITARAN**

Persekutuan memainkan peranan yang sangat penting supaya mendorong pelajar orang Asli untuk datang ke sekolah. Menurut Dun dan Dunn (1984), ciri faktor persekitaran memainkan peranan penting untuk menarik minat atau pola yang mendorong pelajar untuk memilih proses belajar yang menggunakan maklumat baru atau pengalaman. Pemilihan corak dan suasana persekitaran menggalakkan pelajar untuk meningkatkan motivasi pelajar untuk terus belajar. Didapati sekolah kajian, telah berusaha membina pondok orang Asli sebagai satu lambang dan simbol untuk mereka hadir ke sekolah. Pondok yang dibina oleh ibu bapa murid Orang Asli menjadi semangat kepada pelajar untuk belajar di situ seperti merasai suasana sebenar seperti murid Orang Asli di rumah. Usaha yang dilakukan oleh pihak sekolah ini merupakan salah satu galakkan kepada pelajar orang Asli untuk sentiasa bermotivasi hadir ke sekolah. Pembinaan pondok belajar ini bertepatan dalam teori humanisme apabila pelajar dapat belajar dan merasai pengalaman dan susasana persekitaran yang sebenar dan sesuai dengan kehidupan murid Orang Asli. Ini akan menimbulkan minat kepada murid Orang Asli dan secara tidak menjadikan pengajaran tersebut kekal dan bermakna.

Kita buat ni dari usaha ayah orang Asli yang bina pondok ini..Tak lama mereka buat dalam masa sehari sj..hebat...

(DT 21: 4:440minit)

Bila mereka Nampak pondok ni mereka rasa kagum  
sebab bapak mereka yang bina pondok ni

(DT 22: 5:15 minit)



Rajah 1: Pondok belajar pelajar Orang Asli

## **PENDIDIKAN PRA SEKOLAH**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan pendidikan pra sekolah sebagai salah satu program yang menyediakan pengalaman pembelajaran kanak-kanak yang berumur 4 tahun hingga 6 tahun dalam jangka masa satu tahun atau lebih sebelum memasuki Tahun 1. Berdasarkan sekolah kajian, terdapat sebuah para sekolah yang disediakan pada penduduk sekeliling. Bagi tahun 2021 didapati hanya 2 orang pelajar sahaja yang mendaftar ke pra sekolah iaitu seorang pelajar lelaki dan seorang perempuan sahaja. Walaupun mereka mempunyai bilangan kanak-kanak yang ramai hanya segelintir ibu bapa yang mempunyai kesedaran untuk mendaftarkan anak mereka bagi menerima pendidikan pra sekolah. Kebanyakan mereka juga masih tidak boleh membaca. Hal ini berkaitan dengan galakkan dari keluarga yang masih berada tahap rendah untuk menghantar anak mereka ke para sekolah.

Kita ada pelajar para sekolah..tidak ramai murid Orang Asli ni yang nak datang belajar..Sebabnya tak ada galakkan dari mak ayah mereka....

(DT 43: 37:09MINIT)

## **POLA PEMAKANAN**

Menurut Mohd Azlan dan Noraziah Ali (2011), pengambilan makanan yang berkualiti dan teratur sangat penting untuk membekalkan tubuh manusia dengan zat dan tenaga serta mengekalkan kesihatan tubuh badan. Bagi seorang pelajar, kesedaran tentang kualiti makanan dan pola pemakanan amat penting kerana mempengaruhi perkembangan dan tindak balas fizikal dan mental seseorang pelajar yang merupakan tunjang modal insan bagi negara pada masa akan datang. Berdasarkan maklumat informan, mendapati menyatakan kebanyakan murid orang Asli di sini masih mengamalkan pemakanan eksotik yang dilihat mempunyai kesan terhadap penerimaan pembelajaran yang mereka terima. Murid Orang Asli di sini dilihat agak lambat dan tidak fokus ketika proses pembelajaran itu berlangsung. Abdul Rahim Hamdan (2010), menyatakan seharusnya seorang pelajar mempunyai sajian makanan yang teratur, yang akan mempengaruhi perkembangan minda dan ketahanan mental dalam menerima pembelajaran.

...masalah pemakanan..mereka makan macam2..contoh makanan eksotik..

(DT 46: 47.09 MINIT)

.....budakk-budak kecil pun dah di ajar untuk ambil minum minuman keras....

(DT 48: 48.10MINIT)

## **KELAS PEMULIHAN**

Program Pemulihan ialah satu perkhidmatan yang diadakan khusus untuk murid-murid yang menghadapi kesukaran dalam menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira yang menjadi fokus utama Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan

sekarang Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Program ini dikendalikan oleh guru-guru pemulihan khas yang terlatih. Menurut Kamus Dewan (2005), pemulihan bermaksud perbuatan memulihkan, pengembalian kepada keadaan semula. Dalam konteks ini, konsep pemulihan merujuk kepada kanak-kanak yang menghadapi masalah dalam pembelajaran. Pembelajaran pemulihan biasanya dikaitkan dengan usaha untuk memperbaiki sesuatu kekurangan atau memperbetul sesuatu. Blair (1956), pula mengatakan bahawa pemulihan ialah program khas berbentuk tambahan bagi memenuhi keperluan kanak-kanak yang menghadapi masalah pembelajaran agar ketidakupayaan yang menghalangnya dapat diatasi. Bagi muri-murid Orang Asli ini mereka tidak berminat untuk hadir ke kelas pemulihan ini dan menggangap tidak penting untuk mempelajari bahasa Melayu. Bagi membantu masalah ini, pihak sekolah membantu murid orang Asli dengan memperkenalkan program Cilik Bahasa. Program ini dilakukan atas kerjasama pihak sekolah dan ibu bapa murid Orang Asli dengan melantik ibu bapa ini menjadi guru dengan mengajar membaca kepada anak-anak. Selain itu, rakan-rakan yang boleh membaca dalam bahasa Melayu, diberi peluang menjadi ‘guru cilik’ bagi membantu rakan-rakan yang lain yang masih belum boleh membaca. Hal ini bersesuaian berdasarkan teori humanisme yang menekankan guru sebagai fasilitator yang memberi tindak balas terhadap perasaan dan masalah murid bagi memenuhi keperluan mereka untuk terus belajar. Usaha yang dilakukan oleh pihak sekolah ini sesuai dengan perilaku dan perbuatan murid Orang Asli yang mempunyai perkembangan yang positif apabila ibu bapa dan rakan-rakan yang menjadi guru untuk mengajar murid Orang Asli yang masih belum boleh membaca.

Kita ada kelas pemulihan..tapi mereka tak minat..mereka sekadar untuk pergi..bagi kerja tapi balik rumah kakak yang buat....

(DT 47: 50.02minit)

## **KESIMPULAN/ CONCLUSION**

Secara rangkumannya, didapati kajian terhadap murid Orang Asli menjurus kepada bidang pendidikan literasi untuk meningkatkan tahap pendidikan dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan mereka perlu diteliti dan dikaji semula. Umum menyedari bahawa persekitaran, corak kehidupan, interaksisosial, latar belakang keluarga dan ciri-ciri bahasa yang digunakan oleh Orang Asli memperlihatkan kelainan dengan masyarakat umum sehingga mempengaruhi survival dan seluruh kehidupan mereka termasuklah pencapaian dalam bidang pendidikan. Untuk membolehkan murid Orang Asli sentiasa bermotivasi dan melihat kepentingan pendidikan untuk masa hadapan perlu menyemak kembali polisi dan dasar pendidikan hari ini terutamanya dalam hak sama rata dalam pendidikan serta keciran murid Orang Asli ini.

## PENGHARGAAN / ACKNOWLEDGMENT

Kajian ini adalah dapatan bersumberkan geran “RIGS-Kementerian Pengajian Tinggi 2020. Ucapan terima kasih juga kepada pihak-pihak sama ada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan projek penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- Abdul Hadi Kudin & Karim Harun. (2017). Diglosia dan Loyalti bahasa dalam kalangan masyarakat Orang Asli Semai. *Jurnal Linguistik*. Vol 21 (2): 48-59.
- Abd. Aziz Shukor, Ramlah Jantan, Md. Nasir Masran, Suppiah Nachiappan, & Roslinda Mustapha (2010). Program pemulihan membaca di kalangan murid-murid Orang Asli di Sek. Kebangsaan Batu 7 Tapah, Perak. Prosiding Seminar International Management Education Conference 2010, 6-8 Oktober 2010 Mahkota Hotel, Melaka.
- Abdul Rahim Hamdan (2010). Amalan Pemakanan di Kalangan Pelajar Tahun 4 SPH Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor: Johor: UTM.
- Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas (2009) Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya. Bangi: Penerbit UKM.
- Anderson, T., Annand, D. & Wark, N. (2005). The search for learning community in Learner paced distance education: Or, 'Having your cake and eating it, too!'. *Australasian Journal of Educational Technology*, 21(2),. Australasian Society for Computers in Learning in Tertiary Education.
- Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif (2006). *Siri Kaunseling: Membentuk Identiti Remaja*. (Cetakan Kedua). Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Zal WA. (2013). Pembentukan modal insan Orang Ali Darat dan Laut di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*. 9 (4), 1-14.
- Abdull Sukor Shaari & Zamri Salleh (2010). Kesan model tautan terhadap pengajaran karangan. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 6.
- Allyn & Bacon. Cheng Fong Peng. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 6(2). 10-22.
- Bogdan, R. & Biklen, S. R. (2003). Qualitative research for education: An introduction theories and methods. 5th Edition. Boston.
- Creswell, J. R. (2009). Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches. 3th Edition. London: SAGE Publication.
- Dunn, R., & Dunn, K. (1992a). Teaching elementary student through their individual learning styles. Boston: Allyn & Bacon.
- Estrin, H. (2010). Teaching minority students to write effectively. New Jersey Institute of Technology. <http://www.indiana.edu/~reading/ieo/digests/d83.html>
- Gardner, R. C., & Lambert, W. E. (1972). Attitudes and Motivation in Second Language Learning. London: Edward Arnold.
- Hashim Othman. (2005). Penilaian tahap penguasaan kemahiran menulis dalam bahasa Melayu Murid Sekolah Kebangsaan Kebolehpercayaan Instrumen. Tesis PhD. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Ismail, M.E., Ismail, I.M., Hamzah, N., & Ariffin, A. (2016). Pembangunan Massive Open Online Courses (MOOC) berdasarkan model Addie bagi kursus pendidikan teknikal dan vokasional. In: 6th National Conference in Education Technical and Vocational in Education and Training (NCiE-TVET), 27-28 September 2016 (pp. 1333-1341). Kuantan, Pahang: Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah.

- Jamali Ismail. (1992). *Sikap, Motivasi dan Pencapaian dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua di Kalangan Pelajar Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jamaiyah Noorazwa Ahmad dan Muhid Ramlah Jantan (2014) Pengajaran membaca Bahasa Melayu berbantuan komputer dan nyanyian dalam kalangan murid-murid orang asli *Journal of Social Science*. (3).26-41.
- Kamus Dewan. 2014. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Layang Ugek & Jamaludin Badusah, (2018). Amalan dan masalah pengajaran literasi bahasa guru bahasa Melayu ketika mengajar murid Penan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu Malay Language Education* (MyLEJ), 8 (2). 25-38.
- Mohd Azlan Abdullah & Noraziah Ali. (2011). Amalan pemakanan dalam kalangan pelajar universiti dan implikasinya terhadap pembelajaran. *Jurnal Personalia Pelajar* (14). pp. 59-68.
- Mohd Muizzuddin Mohd Nor, Mohamad Fauzi Sukimi & Mohd Nasaruddin Mohd Nor. (2018). Kesedaran Pendidikan dan minat kerja pelajar Orang Asli suku kaum Jakun di Rompin, Pahang. 14 (1). 72-86.
- Ridzuan Hussin. 2011. Pendekatan teori pembelajaran kognitivisme dalam Pendidikan Seni Visual (PSV). *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*. Jilid 1 (1): 59- 66.
- Ruslan Abdullah. (2018) Penilaian pelaksanaan program Linus dalam kalangan murid Orang Asli di Perak. PhD. thesis, Universiti Utara Malaysia.
- Shahidi, Nor Azwahanum Nor Shaid, Mohd Sharifudin Yusop, Marlyna Maros & Rahim Aman. (2016). Fenomena Sosiobudaya Orang Asli Kanaq Dalam Penggunaan Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Sains dan Kemanusiaan*. 15 (5). 146-156.
- Suresh Kumar . N Vellymalay. (2011). Sikap dan tingkah laku remaja terhadap pembelajaran di sekolah: satu kajian kes dirumah kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36 (2). pp. 21-32.
- Mohd Azlan dan Noraziah Ali. (2011). Amalan Pemakanan dalam Kalangan Pelajar Universiti dan Implikasinya terhadap Pembelajaran. *Jurnal Personalia Pelajar*. 14 (59-68).
- Mohamad Johdi Salleh, Abdul Razak Ahmad. (2009). Kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. In: Abdul Razaq Ahmad, Zalizan Mohd Jelas. Masyarakat Orang Asli: Perspektif pendidikan dan sosiobudaya. Penerbit UKM, Bangi.
- Nazariyah Sani. (2014). Merapatkan jurang literasi murid-murid Orang Asli: apa cabarannya? *Jurnal Personalia Pelajar*.(17): 19-30.
- Ridzuan Husin (2013). Pendekatan Teori Pembelajaran Kognitivisme dalam Pendidikan Seni Visual (PSV). *Jurnal Seni dan Pendidikan* Vol. 1: (59-66).
- Shafida Azwina Mohd Shafie, Ahmad Farhan Mohd Sadullah. (2002) The comparison of trip generation behaviour between an urban school and a rural school. Conference Proceedings Malaysian Universities Transport Research Forum. Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya. 22 & 23 Oktober.
- Shyam KC .(2007). Society and infrastructure: Geographical accessibility and its effects on school enrolment in Nepal. (PhD dissertation). College Park, Faculty of the Graduate School, University of Maryland.
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) (2008) Laporan tahunan 2008 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, Kuala Lumpur.
- Suresh Kumar. (2011). Sikap dan Tingkah Laku Remaja Terhadap Pembelajaran di sekolah: satu kajian kes di rumah Kanak-Kanak. *Jurnal Pendidikan Malaysia*: 36 (2). 25-32.
- Vygotsky, L.S.C. 1978. Mind in society. The Development of Higher Psychological Processes. (New edition, edited by M.Cole, V. John Steiner, S. Scribner and E. Souberman). Cambridge, MA: Harvard University Press.

- Wan Hanafi, Hanifah Mahat, Noraziah Ali & Halida Baharuldin (2015). Taraf Kesihatan Wanita Orang Asli di Tanah Tinggi Cameron: Kajian Kes di Kem Brinchang dan Kampun Leryar, Ringlet, Pahang. *GEOGRAFI*, 3(2), 13.
- Zaliza Mohamad Nasira dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2014). Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Journal of Social and Behavioral Sciences* 134, 408 – 415.
- Zainal Abidin Hj Ali. (2004). Jabatan Hal Ehwal Orang Asli: Peranan dalam bidang penyelidikan. Kertas Kerja dalam Seminar Sehari Tradisi Lisan Masyarakat Orang Asli.
- Zainal Abidin Hj Ali. (2008). *Peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dalam pembangunan masyarakat Orang Asli*. In: Ma'Rof Redzuan, Sarjit S. Gill (eds) Orang Asli - Isu, transformasi dan cabaran. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Zulkifley Hamid. (2014). Faktor Persekutuan sekolah dan etnik dalam perancangan dan pelaksanaan program pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*. 10 (5), 99-109.